

1981

MELAKA, 25 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYUARAKAN HARAPAN SUPAYA PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BULAN DEPAN AKAN BERJALAN MENGIKUT TRADISI PARTI.

BELIAU MENEGASKAN PERTANDINGAN ITU MERUPAKAN MASALAH DALAM PARTI +DAN TIDAK ADA ORANG LAIN YANG BERHAK MENENTUKAN SIAPA YANG AKAN MENJADI PEMIMPIN KITA.+

+OLEH YANG DEMIKIAN, JANGANLAH DALAM KEGHIAHAN KITA HENDAK MEMBERI KEMENANGAN BAGI CALON YANG KITA SUKA, KITA LAKUKAN SESUKA HATI TANPA MENGIRA APA YANG AKAN TERJADI KEPADA UMNO,+ UJARNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERKATA UMNO BERAZAM SUPAYA PERTANDINGAN MEREbut PUCUK PIMPINAN PARTI KALI INI DIJALANKAN DENGAN CARA YANG BERSIH DARIPADA SEGALA PERBUATAN YANG TIDAK DIINGINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERUCAP KETIKA MERASHIKAN SIDANG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN JASIN DI SEKOLAH ISKANDAR SHAH, KIRA-KIRA 30 KILOMETER DARI SINI.

MENGENAI ANCAMAN YANG KONONNYA DIBUAT TERHADAP ORANG-ORANG YANG TIDAK MENYOKONG CALON-CALON TERTENTU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MUNGKIN DALAM PERKARA INI PIHAK CALON SENDIRI TIDAK MENGETAHUI TENTANG AMALAN YANG KURANG SIHAT INI DILAKUKAN ATAS NAMA MEREKA. — BERSAMBUNG 1610/ZCM

B568:

MAHATHIR-UMNO 2 MELAKA

+SELAGI UMNO MEMERINTAH DAN SELAGI SAYA BERKUASA, ANCAMAN SEPERTI INI TIDAK DAPAT DISANDARKAN WALAU BENAR SEKALIPUN,+ TEGAS BELIAU.

OLEH DEMIKIAN, TIDAK ADA MANA-MANA PIHAKPUN YANG PERLU MERASA TAKUT AKAN KE HILANGAN JAWATANNYA DALAM KERAJAAN ATAU PARTI JIKA MEREKA TIDAK TUNDUK KEPADA ANCAMAN LIAR ITU, TAMBAH-NYA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO BAHAWA BANYAK LAGI YANG BELUM DISELESAIKAN DAN TERCAPAI DALAM PERJUANGAN PARTI KERANA KEJAYAAN BELUM LAGI MENINGKAT KE TAHAP 100 PERATUS SEPERTI YANG DIHARAP-HARAPKAN.

KATANYA, +PADA ASASNYA, KITA MEMANG TIDAK AKAN MENCAPAI KESEMUA YANG DIHAJATKAN KERANA SEPANJANG MASA KITA SENTIASA MENOK-TAMBAH KEPADA APA YANG KITA HENDAK.+

KEMUDIANNYA KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETAKAT INI BELUM ADA TANDA-TANDA NYATA SAMADA SYOR BELIAU SUPAYA KEDUA-DUA CALON UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN JUGA BERTANDING BAGI MEREKUT JAWATAN LAIN TELAH MENDAPAT SAMBUTAN.

KATANYA, +JIKA ADA KEPUTUSAN TERTENTU ATAU UKTAMAD DARI KEDUA-DUANYA, MEREKA SEPATUTNYA MEMBERITAHU IBUPEJABAT UMNO DAN BUKAN TUGAS SAYA UNTUK BERTANYA KEPADA MEREKA.+ -- BERSAMBUNG 1615/ZCM

B569:

MAHATHIR - UMNO 3 MALAKA

BELIAU MENERANGKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN TRADISI UMNO DIMANA SESEORANG ITU MEMPUNYAI KEBEBASAN UNTUK MENANDINGI SEBARANG JAWATAN DALAM PARTI SAMADA UNTUK SATU JAWATAN ATAU LEBIH DARIPADA SATU.

MENGENAI HARGA GULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MENKAJI DENGAN RAPI KEDUDUKAN HARGA BAHAN TERSEBUT UNTUK MENENTUKAN SAMADA IANYA AKAN TERUS BERKEKALAN ATAU TERUS TURUN NAIK LAGI.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MAHU MENURUNKAN HARGA DENGAN SERTA MERTA KERANA JIKA HARGA PASARAN DUNIA MENINGKAT SEMULA, HARGA DI DALAM NEGERI AKAN TURUT DINAikkan SEMULA.

INI AKAN MENYULITKAN RAKYAT DAN ADALAH LEBIH BAIK JIKA KAJIAN TERPERINCI DILAKSANAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM SESUATU KEPUTUSAN DIUMUMKAN.

TURUT HADIR 'ALAH NAIB-NAIB PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM DAN ENCIK GHAFAR BABA DAN KETUA MENTERI MELAKA ENCIK MOHAMAD ADIB HAJI ADAM. -- BERNAMA 1618/ZCM